

# Perwaja: Swiss Bank enggan bekerjasama

UM 26 FEB 2002

LONDON 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keengganan pihak berkuasa di Switzerland dan di beberapa negara lain untuk bekerjasama telah menjejaskan penyiasatan kes penyelewengan yang didakwa berlaku di Perwaja Steel Sdn. Bhd. (Perwaja).

Perdana Menteri berkata: "Pihak Swiss Bank enggan menyatakan siapa pemegang akaun dan tidak mahu memberikan kerjasama walaupun me-

ngesahkan ada orang yang menyimpan dalam akaun itu.

"Kita perlukan mereka untuk memberi keterangan di mahkamah kita tetapi mereka enggan berbuat demikian," jelasnya semasa berdialog dengan para pelajar Malaysia di Imperial College di sini.

Pada dialog itu, pelajar bertanya mengapa Badan Pencegah Rasuah (BPR) masih tidak mengemukakan dakwaan kepada mereka yang di-

syaki terbabit, walaupun telah menyiasatnya sejak tahun 1996.

Malahan, kata Dr. Mahathir, sebahagian daripada urusan yang didakwa terbabit dalam kes itu berlaku di negara-negara tertentu, yang juga enggan bekerjasama.

Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan, siasatan masih diteruskan dan sekiranya terdapat bukti, mereka akan dihadapkan ke muka pengadilan dan terpaksa menghadapi akibatnya.

Beliau menambah, siasatan telah dijalankan dan bukan sesuatu yang mudah untuk mengesan wang yang dikatakan telah berada dalam bank di Switzerland.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri mempertahankan langkah kerajaan menceburi industri besi bagi meningkatkan pembangunan perindustrian negara seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Jepun.

Kata Dr. Mahathir, ketika kerajaan 'bersedia

menghadapi risiko kerugian' dalam 'industri yang sukar itu', kesilapan telah dilakukan mengakibatkan Perwaja kerugian RM10 bilion iaitu hakikat yang tidak dinafikan oleh kerajaan.

Mulanya, ia satu kesilapan apabila membiarkan pegawai awam menguruskan Perwaja, jelas beliau sambil menambah ahli perniagaan yang dilantik bagi menguruskan syarikat itu sebelum ini juga tidak berjaya dan kini dalam siasatan. — *Utusan*